

BIDANG KERJASAMA 5:

MENINGKATKAN HARMONISASI MASYARAKAT

Keharmonian masyarakat merupakan tonggak kepada keamanan, perpaduan, kemajuan dan kemakmuran negara. Soal keharmonian kaum dan perpaduan tidak harus diambil enteng. Sifat keterbukaan menerima perbezaan dan menghormati kepelbagaian perlu disematkan dalam memahami falsafah kesederhanaan.

Harmonisasi masyarakat adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap generasi tanpa mengira bangsa dan agama untuk terus memupuk rasa hormat antara satu sama lain. Membina persefahaman antara pelbagai agama adalah kunci kepada keamanan serta keharmonian dalam memastikan agama tidak menjadi faktor tercetusnya persengketaan dan kekacauan.

MABIMS harus berperanan memperjelaskan kepentingan harmonisasi dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam melalui program dan aktiviti yang lebih efektif dan tidak bersifat ekstrimis.

STRATEGI DAN FORMULASI:

- Strategi 1: Harmonisasi Inter Agama.
Program:
 - Dialog Antara Agama.

- Strategi 2: Harmonisasi Intra Agama.
Program:
 - Perkongsian Cabaran Ketrampilan Kepelbagaian Agama.

NEGARA PENYELARAS: REPUBLIK SINGAPURA.